



TEKS UCAPAN PERASMIAN

MAJLIS ANUGERAH PREMIS MAKANAN BERSIH DAN TANDAS AWAM BMW PERINGKAT PUTRAJAYA 2025

TARIKH: 17 DISEMBER 2025 (RABU)

**DEWAN SERI SIANTAN
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA
PRESINT 3, PUTRAJAYA**

- 4) Pengarah-Pengarah Bahagian, Perbadanan Putrajaya**
- 5) Para Pengusaha Premis Makanan dan Tandas Awam**
- 6) Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.**

6. Pertama sekali, Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, **Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih dan Tandas Awam Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) Peringkat Putrajaya 2025** ini, dapat dilaksanakan pada hari ini. **TAHNIAH**, saya ucapkan kepada semua pemenang Anugerah.

7. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Pejabat Kesihatan Putrajaya (PKPj) dan Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM) serta Jabatan-jabatan dalaman Perbadanan Putrajaya (PPj), yang terlibat secara langsung, selaku panel penjurian. Sokongan teknikal, kepakaran dan kesediaan semua pihak tersebut, dalam berkongsi pandangan professional, telah membolehkan kita, menetapkan penanda aras yang lebih tinggi, bagi premis makanan dan tandas awam di Putrajaya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, dan destinasi pelancongan utama, Putrajaya sentiasa menjadi tumpuan. Imej bandar ini banyak dinilai, melalui kualiti premis makanan, dan tandas awam. Justeru, **inisiatif penganugerahan** ini dilaksanakan bagi mengangkat *standard* **kebersihan Wilayah Persekutuan Putrajaya selari aspirasi CHASE City 2025-2029**, ke arah persekitaran bandar, **yang lebih bersih, sihat, selamat, dan berdaya huni.**

9. Untuk makluman tuan/puan, **Bahagian Kesihatan Persekitaran**, Perbadanan Putrajaya, bertanggungjawab untuk memantau dan menguatkuasakan kawalan kualiti dan keselamatan makanan, di premis makanan berada, pada tahap yang sepatutnya. Premis makanan yang diperiksa, perlu mencapai **gred A atau gred B**, untuk terus beroperasi dengan sempurna.

Selain itu, Bahagian ini juga sentiasa memantau tahap kebersihan, dan sanitasi tandas awam di Putrajaya. Selaras dengan Indikator yang disasarkan KPKT, PPj perlu memastikan, tandas awam di Putrajaya mencapai **penarafan sekurang-kurangnya 4 BINTANG.**

10. Bagi mencapai sasaran ini, Bahagian Kesihatan Persekitaran ini perlu, melaksanakan pengauditan penarafan bintang tandas awam, sebanyak 2 kali setahun, berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tandas Awam Malaysia. Manakala, pemeriksaan dan penggredan premis makanan, dijalankan secara rutin setiap tahun, berdasarkan Garis Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan WP Putrajaya. Pemerhatian secara keseluruhannya, didapati bahawa, pemilik dan penyelia premis makan, telah menunjukkan komitmen positif, dalam mengekalkan piawaian kebersihan.

Tuan/Puan,

11. Saya juga dimaklumkan bahawa, proses penilaian oleh Perbadanan Putrajaya, bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya, KPKT, MOTAC dan QRAM telah dilaksanakan secara teliti dan menyeluruh, meliputi aspek kebersihan, pengurusan sisa, penyelenggaraan, kemudahan pengguna, pengudaraan dan pencahayaan serta, budaya kerja warga yang menguruskan premis dan tandas awam.

12. Antara kategori anugerah premis makanan yang dipertandingkan adalah kategori Premis Makanan Milikan PBT, Komersial, Hotel, Sekolah, *Food Truck* dan Kafeteria Kerajaan. Manakala, anugerah bagi tandas awam pula adalah, kategori Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Kerajaan, Swasta, Hotel, Rumah Ibadat dan Restoran.

Saya ucapkan **setinggi-tinggi tahniah**, kepada semua penerima anugerah. Anda semua telah melangkaui tahap minimum pematuhan. Malah telah mencapai kecemerlangan, dan mengamalkan, budaya kebersihan di premis masing-masing.

13. Namun, saya ingin menegaskan bahawa, anugerah ini datang bersama **amanah**. Cabaran sebenar adalah untuk mengekalkan, dan terus meningkatkan *standard* sedia ada. Pengusaha premis yang berjaya hari ini, bakal menjadi rujukan kepada pengusaha lain. Saya amat menggalakkan, supaya amalan terbaik ini, dikongsi bersama rakan-rakan pengusaha lain, khususnya di Putrajaya. Perkongsian ini dilihat penting, dalam usaha kita memastikan, kualiti tinggi yang kita kehendaki, dapat diamalkan secara menyeluruh.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Dalam konteks dunia hari ini, pelanggan dan pengguna **semakin peka dan lebih kritikal**. Mereka menilai bukan sahaja rasa dan harga, tetapi juga kebersihan, susun atur, keadaan persekitaran, serta kualiti fasiliti tandas awam yang disediakan. Satu pengalaman buruk atau pengalaman yang baik, boleh tular dengan cepat di media sosial. Maka kebersihan dan *standard* perkhidmatan tidak boleh dikompromi. Kedua-duanya membawa imej kita, dan boleh mempengaruhi kesihatan awam dan kepercayaan masyarakat.

15. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua pengusaha premis makanan di Putrajaya, supaya **menjaga kebersihan dapur, ruang makan dan kawasan sekeliling**, sebagai keutamaan dan rutin harian.

Manakala, kepada pihak pengendali tandas awam, anda hendaklah sentiasa memastikan kebersihan dan kecukupan bekalan asas, pengudaraan, pencahayaan dan penyenggaraan tandas sentiasa ditahap yang terbaik. Di sinilah peranan QRAM dan agensi berkaitan, sangat penting dalam membantu supaya *standard* tandas awam bertaraf tinggi, dikekalkan.

16. Kepada warga Putrajaya dan para pengunjung, marilah kita membudayakan sikap “ambil peduli” dan mengamalkan “semangat kekitaan” (sense of belongings) semasa menggunakan kemudahan awam. Gunakan kemudahan awam ini secara berhemah dan mematuhi panduan yang disediakan. Sila laporkan sebarang kerosakan, atau keperluan penambahbaikan kepada kami di Perbadanan Putrajaya. Maklum balas semua pihak, amat kami dihargai. Ingatlah bahawa, Putrajaya adalah amanah kita bersama, yang mesti kita pelihara, demi kesejahteraan hari ini dan generasi akan datang.

Saya ingin ungkapkan slogan ini, untuk pegangan kita semua. “FASILITI KITA, TANGGUNGJAWAB KITA”

17. Sebagai penutup, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urusetia majlis iaitu Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan

Putrajaya yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan Majlis Anugerah ini.

18. Dengan lafaz
 saya dengan ini
merasmikan **Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih &
Tandas Awam Bersih, Menawan dan Wangi (BMW)
Peringkat Putrajaya Tahun 2025.**

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.